

11/07/1999

Pemuda Merbok turut derma

SUNGAI PETANI: Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Merbok yang mengadakan gotong-royong dengan Majlis Perbandaran Sungai Petani dan penduduk kampung sekitar Semeling, dekat sini berjaya mengumpulkan RM1,522 untuk disumbangkan kepada tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK), semalam.

Derma secara tunai itu disampaikan ketuanya, Mokhzani Mahathir kepada wartawan The New Straits Times, Sharanjit Singh.

Menurut Mokhzani, meskipun kutipan derma itu tidak besar jumlahnya, ia mampu mengurangkan penderitaan rakyat Kosovo.

Sementara itu di KUCHING: Kesusahan dan penderitaan pelarian Kosovo terus mendapat perhatian penduduk negara ini, termasuk masyarakat guru yang bertugas di beberapa sekolah rendah di sekitar bandar raya ini yang menyumbang RM1,385.23 kepada BBK.

Sekumpulan guru dari 32 buah sekolah rendah di Kawasan Empat Petra Jaya, di sini menyerahkan wang sumbangan yang dinamakan 'Bantuan Kemasyarakatan'.

Daripada jumlah itu RM1,111.11 dikutip dalam gerakan yang dijalankan sebulan lalu, manakala bakinya RM274.12 hasil derma kilat orang ramai, termasuk pelajar sekolah rendah yang menghadiri Majlis Perhimpunan Guru Kawasan Empat yang diadakan di Dewan Pelbagai guna, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sarawak, di sini, semalam.

Replika cek sumbangan berjumlah RM1,111.11 dan sampul surat berisi wang tunai RM274.12 disampaikan oleh Pengawai Pendidikan Bahagian Kuching/Samarahan, Abdillah Adam, kepada wakil TV3 Wilayah Sarawak, Basri Mohamad.

Penyerahan bantuan itu adalah sebahagian daripada acara majlis itu yang turut dihadiri 600 guru dan pelajar sekolah rendah, termasuk Penyelia Kawasan Empat dan Jawatankuasa Induk Guru Besar Kawasan Empat, Ishak Idris.

(END)